



Headline: Tipu: 523 kes, rugi RM8.5 juta  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 2 January 2019

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 5

## Tipu: 523 kes, rugi RM8.5 juta

**KUANTAN 1 Jan.** - Kes penipuan di negeri ini dalam tempoh Januari hingga November tahun lalu meningkat kepada 523 kes berbanding 428 kes untuk tempoh sama tahun sebelumnya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, kes berkenaan melibatkan penipuan Macau Scam, Love Scam dan tawaran pinjaman tidak wujud.

Menurutnya, jumlah kerugian untuk tempoh Januari hingga November tahun lalu melebihi RM8.5 juta berbanding RM5.6 juta bagi tempoh sama tahun sebelumnya.

“Mengikut pecahan kes dilaporkan dari Januari hingga November tahun lalu, 265 kes melibatkan penipuan pinjaman tidak wujud membabitkan kerugian RM2.18 juta berbanding 254 kes dengan nilai kerugian RM1.3 juta pada 2017.

“Bagi Love Scam, sebanyak

95 kes diterima tahun lalu dengan nilai kerugian RM1.46 juta dan jika dibandingkan dengan 2017, ia menunjukkan peningkatan 24 kes atau 33.8 peratus namun jumlah kerugian menurun sebanyak RM298,642 apabila RM1.76 juta dicatatkan pada 2017,” katanya di sini hari ini.

Kes melibatkan Macau Scam pula, ujar Mohd. Wazir, sebanyak 163 kes dilaporkan dalam tempoh 11 bulan tahun lalu melibatkan kerugian RM4.9 juta berbanding 103 kes dengan kerugian RM2.54 juta pada 2017.

Katanya, daripada keseluruhan kes, polis berjaya menahan 224 individu tahun lalu dan 119 tangkapan pada 2017.

Jelasnya, bagi tawaran pinjaman tidak wujud, suspek menawarkan pinjaman mudah melalui media sosial seperti Facebook sebelum meminta mangsa menjelaskan sejumlah bayaran bagi tujuan proses dan sebagainya.